

Ucapan Aluan

Yang Berbahagia

Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia)

Sempena

**MAJLIS PELANCARAN MALAYSIA CONTRACTOR PORTAL (MCP)
DAN CONTRACTOR REPORT CARC (CRC)**

15 Februari 2022 (Selasa)

-
- Salutsasi akan diberikan pada hari majlis

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarrakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir di **Majlis Pelancaran *Malaysia Contractor Portal* (MCP) dan *Contractor Report Card* (CRC)** pada hari ini.

2. Pertama sekali, bagi pihak CIDB, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya**, kerana sudi hadir untuk merasmikan Pelancaran MCP dan CRC pada hari ini.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi yang terlibat, iaitu Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kerana memberi kerjasama yang baik

di dalam usaha untuk membangunkan MCP. Saya yakin kolaborasi yang terbina ini akan terus dapat membangunkan industri pembinaan, selaras dengan objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Para hadirin sekalian,

4. Sektor pembinaan di Malaysia sedang mengalami kepelbagaian transformasi susulan daripada kemunculan teknologi baharu di seluruh dunia. Oleh itu, adalah penting untuk menjalinkan kerjasama kukuh di antara pihak Kerajaan dan setiap lapisan pihak berkepentingan termasuk penggiat industri bagi memastikan industri pembinaan kekal relevan dan berdaya saing dalam pembangunan infrastruktur negara.

5. Untuk terus memacu penggunaan teknologi di dalam industri ini, Portal Pembinaan Malaysia atau MCP merupakan sebuah portal berpusat pendaftaran kontraktor yang telah dibangunkan oleh CIDB Malaysia bagi memudahkan urusan kontraktor dengan agensi-agensi seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) serta Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) belum lagi bekerjasama.

6. Pelancaran MCP pada hari ini adalah pembangunan MCP fasa pertama yang melibatkan PKK, ST dan SPAN. Portal MCP akan terus dipertingkatkan, berdasarkan input dan maklum balas daripada pengguna sistem ini kelak. Saya berharap di masa akan datang lebih banyak lagi agensi berkaitan akan menyertai MCP agar dapat memudahkan ahli komuniti industri pembinaan di Malaysia untuk menjalankan transaksi dengan mudah menerusi satu portal.

Para hadirin sekalian,

PENUTUP

7. Akhir kalam, saya sekali lagi ucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam membangunkan MCP dan CRC. Saya yakin bahawa usaha ini akan terus dapat memudahkan transaksi secara atas talian oleh kontraktor di masa akan datang.

8. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk merasmikan pelancaran portal MCP serta CRC pada hari ini.

Sekian, Terima kasih.